



KARAKUM DESERT

APPROVED

CONFIDENTIAL

PENJAJAHAN **MODEN** DUNIA ISLAM



TUAN GURU HAJI ABDUL HADI AWANG

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan menerbitkan mana-mana bahagian isi kandungan daripada buku ini termasuk dalam apa-apa jua bentuk dan cara sekalipun tanpa mendapat keizinan daripada **PUSTAKA PERMATA UMMAH SDN BHD**

.....

© **PENJAJAHAN MODEN DUNIA ISLAM**

Tuan Guru Haji Abdul Hadi Awang

Cetakan Pertama, Januari 2025

© Hak cipta terpelihara @ Pustaka Permata Ummah Sdn. Bhd.



Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-967-2739-71-5

*Muka Taip Teks: Cambria
Saiz Muka Taip: 11*

Diterbitkan dan diedarkan oleh:
Pustaka Permata Ummah Sdn. Bhd.
D-04-02, Cybersquare,
Jalan Teknokrat 6, Cyber 5,
63000 Cyberjaya, Selangor.
011-20907008

Dicetak oleh:
Percetakan Adab Sdn. Bhd.
No. 4, Jalan PBS 14/1A, Taman
Perindustrian Bukit Serdang,
43300 Seri Kembangan, Selangor.
03-89458688



SIDANG EDITORIAL

PENAUNG

YB Dr. Muhammad Khalil Abdul Hadi
YB Mohd Syahir Che Sulaiman
Tuan Haji Mohd Adram Musa

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

Abdul Malik Ab Razak

KETUA PEGAWAI OPERASI

Muhammad Afiq Awang Bakar

KETUA PEGAWAI KORPORAT

Siti Nurul Afiqah Sazali

KETUA EDITOR

Muhammad Ikram Ab Rahman

JABATAN PENERBITAN

Maziah Hasan
Muhaimin Safaruddin
Mohamad Afiq Faiz Mohamad Sabri

**JABATAN JUALAN & HUBUNGAN
PELANGGAN**

Muhammad Ikhwan Nasyriq Salahin

JABATAN PEMASARAN

Muhammad Rasydan Junuh

JABATAN KREATIF

Nurul Afiqah Yusri

REKA LETAK & ATUR HURUF

Nurul Afiqah Yusri

PENTERJEMAH

Amnah Duniya
Imran Selamat

ISI KANDUNGAN

KATA PENERBIT	V
MUQADDIMAH	1
GLOBALISASI DAN POLISI DUNIA BAHARU	9
GLOBALISASI DAN PENDIDIKAN	22
GLOBALISASI EKONOMI	31
GLOBALISASI POLITIK	37
GLOBALISASI DAN YAHUDI	42
KESAN GLOBALISASI TERHADAP DUNIA ISLAM	45
KERUNTUHAN KETAMADUNAN DAN KESAN GLOBALISASI	48
KEPENTINGAN PENDIRIAN KESATUAN ISLAM DALAM MENGHADAPI GLOBALISASI	54
RISALAH SEJAGAT	57
GLOBALISASI DAN STRATEGI NEGARA-NEGARA ISLAM	67
PENUTUP	83
BIBLIOGRAFI	85
PENGENALAN PENULIS	88

MUQADDIMAH

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah SWT. Segala balasan yang baik bagi orang-orang yang bertaqwa dan tidak ada permusuhan kecuali ke atas orang-orang yang zalim. Selawat dan salam ke atas kekasih agung, Nabi Muhammad SAW. Demikian juga, selawat dan salam ke atas keluarganya, para sahabatnya, dan para tabiin hingga Hari Kiamat.

Sesungguhnya, risalah Islam itu merupakan ajaran yang sempurna dan akan berkekalan hingga Hari Kiamat. Ia ilmu Allah yang tidak berpenghujung dan hikmah-Nya yang tidak terhitung yang diamanahkan kepada Nabi Muhammad SAW. Baginda ialah pembawa risalah terakhir pada zaman yang diberikan Allah puncak kemajuan teknologi dan perkembangan ilmu, sehingga bumi dan penduduknya menjadi seumpama satu kampung kecil kerana kepantasan jaringan perhubungan dan pertukaran maklumat dalam semua bidang dan sudut kehidupan.

Hal ini telah mengubah sudut pandang kehidupan manusia dan hubungannya dengan alam ini. Cukuplah seorang rasul diutus untuk semua manusia di segenap tempat dan pada setiap zaman, tidak seperti rasul-rasul yang lain.

Pada zaman kini juga, kita telah menyaksikan kemajuan teknologi yang tidak pernah disaksikan oleh generasi terdahulu daripada para sahabat RA, yang mereka hanya melihat Rasulullah SAW dan sifat-sifat Baginda yang terpuji, lantas terus beriman dengan kesejagatan risalah yang dibawa. Umat Islam kini menghadapi pelbagai cabaran tempatan dan global.

Justeru, Allah telah menzahirkan agama-Nya ke atas semua agama yang lain. Bermula dari Makkah, sebuah lembah yang kering kontang sehingga benua-benua yang penting di seantero dunia selama beberapa abad, sejak zaman Rasulullah SAW sehingga era kekhalifahan yang terkenal dengan tamadun Islam yang gemilang.

Agama Allah juga bermula dengan pembentukan keperibadian manusia dari segi rohani dengan iman dan pengetahuan yang terbina daripadanya, serta dari segi jasmani mengikut keperluan dan kesempurnaan untuk mencapai tujuan penciptaan dan kewujudan manusia di dunia ini, iaitu ibadah, khalifah, dan amanah.

Firman Allah SWT:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

"Dan Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan supaya mereka mengabdikan diri kepada-Ku."¹

¹ Surah al-Zariyat: 56.

Firman Allah SWT lagi:

وَإِذْ قَالَ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَائِكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً قَالُوا أَتَجْعَلُ فِيهَا مَنْ يُفْسِدُ فِيهَا وَيَسْفِكُ الدِّمَاءَ وَنَحْنُ نُسَبِّحُ بِحَمْدِكَ وَنُقَدِّسُ لَكَ قَالَ إِنِّي أَعْلَمُ مَا لَا تَعْلَمُونَ ﴿٣٠﴾

“Ingatlah ketika Tuhanmu berfirman kepada para Malaikat, ‘Sesungguhnya, Aku hendak menjadikan seorang khalifah di muka bumi.’ Mereka berkata, ‘Mengapa Engkau hendak menjadikan (khalifah) di bumi itu orang yang akan membuat kerusakan padanya dan menumpahkan darah, padahal kami senantiasa bertasbih dengan memuji Engkau dan menyucikan Engkau?’ Tuhan berfirman, ‘Sesungguhnya, Aku mengetahui apa-apa yang tidak kamu ketahui.’”²

Allah SWT juga berfirman:

إِنَّا عَرَضْنَا الْأَمَانَةَ عَلَى السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَالْجِبَالِ فَأَبَيْنَ أَنْ يَحْمِلْنَهَا وَأَشْفَقْنَ مِنْهَا وَحَمَلَهَا الْإِنْسَانُ إِنَّهُ كَانَ ظَلُومًا جَهُولًا ﴿٧٢﴾

“Sesungguhnya, Kami telah mengemukakan amanah kepada langit, bumi, dan gunung-gunung. Maka, semuanya enggan untuk memikul amanah itu dan mereka khawatir akan mengkhianatinya, lalu dipikullah amanah itu oleh

² Surah al-Baqarah: 30.

manusia. Sesungguhnya, manusia itu amat zalim dan amat jahil.”³

Hal ini sama sekali berbeza dengan tawaran yang diberikan Allah kepada Iblis berupa perkara yang akan merosakkan dirinya:

... هَلْ أَدْرَأُكَ عَلَى شَجَرَةِ الْخُلْدِ وَمُلْكٍ لَّا يَبْلَى



“..Mahukah aku tunjukkan kepadamu pohon yang menyebabkan hidup selama-lamanya dan kekuasaan yang tidak akan hilang lenyap.”⁴

Maka, risalah Islam ialah sebagaimana yang difahami oleh orang Badwi daripada generasi awal⁵ sehingga beliau dengan lantang berkata di hadapan kuasa besar⁶:

اللَّهُ ابْتَعَثْنَا لِنُخْرِجَ مَنْ شَاءَ مِنْ عِبَادَةِ الْعِبَادِ إِلَى عِبَادَةِ اللَّهِ، وَمَنْ ضَيَّقِ الدُّنْيَا إِلَى سَعَتِهَا، وَمَنْ جَوَّرِ الْأَدْيَانَ إِلَى عَدْلِ الْإِسْلَامِ.

“Allah telah mengutus kami untuk mengeluarkan sesiapa yang dikehendaki-Nya daripada memperhambakan diri sesama manusia kepada menyembah Allah SWT, daripada kesempitan dunia kepada keluasan dunia dan akhirat, serta

³ Surah al-Ahzab: 72.

⁴ Surah Taha: 120.

⁵ Rub’i bin ‘Amir al-Tamimi, salah seorang utusan tentera Islam dalam operasi pembukaan Parsi.

⁶ Rustum Farrukhzad, panglima tentera Empayar Parsi.

*daripada penindasan agama-agama kepada keadilan Islam.”*⁷

Hal ini tidak difahami atau diabaikan oleh orang-orang zaman kini yang sekular dan mangsa kepada serangan pemikiran. Merekalah orang yang menggelarkan diri mereka pemimpin, pemikir, dan cendekiawan yang menyeru manusia ke arah ideologi-ideologi yang merosakkan umat Islam pada zaman kini di ambang kehinaan dan kemerosotan.

Globalisasi merupakan istilah baharu yang asing dalam Islam. Ia tercetus selepas perisytiharan orde dunia baharu (*new world order*) yang diumumkan oleh Presiden Amerika Syarikat, George H.W. Bush setelah berakhirnya Perang Dingin dan jatuhnya Kesatuan Soviet pada tahun 1991. Maka, Amerika Syarikat mengisytiharkan mereka sebagai kuasa besar yang tunggal (kuasa unipolar). Justeru, negara-negara Barat terutamanya perlulah mengikuti telunjuk Amerika Syarikat dalam satu barisan untuk menguasai dunia, khususnya dunia Islam.

Kemudian, gerakan ‘pengamerikan’ diusahakan dengan meletakkan Amerika Syarikat sebagai kuasa luar biasa bagi dunia sebagai kesinambungan dengan bentuk penjajahan baharu, yang mendapat manfaat daripada penjajahannya ke atas teknologi moden untuk terus menguasai dunia secara politik, ketenteraan, ekonomi, budaya, dan sosial.

Ia hanyalah penjajahan semata-mata tanpa melihat kepada impak-impak negatif yang telah menghilangkan fungsi dan peranan manusia di muka bumi, sekali gus melenyapkan nilai yang betul dan merosakkan keseimbangan.

⁷ Ibn Kathir, *al-Bidayah wa al-Nihayah*, Jld. 7, Hlm. 39.

Sesungguhnya, perkara ini ialah hasil berabad lamanya sejak pemerintahan Namrud di Babylon dan Firaun di Mesir sehingga era penjajahan Salib di banyak tempat yang dikuasai empayar Eropah seperti Britain, Perancis, Belanda, Sepanyol, dan Portugal serta kezaliman komunisme di Asia Tengah. Namun demikian, globalisasi kontemporari mengubah perancangan dan strateginya dengan mengorbankan demokrasi dan kedamaian, di samping menentang keganasan berdasarkan definisi dan terminologinya.

Kita perlu memahami hubungan yang kuat antara Amerika Syarikat yang memimpin slogan globalisasi dengan Zionisme yang telah melobi kuasa politik, ekonomi, dan media di Amerika Syarikat serta kedudukannya yang terkenal di sisi Israel.

Kita juga perlu meneliti perbandingan antara Amerika Syarikat dengan konco-konconya yang telah membekalkan senjata untuk mensabotaj Republik Islam Iran, membunuh saudara-saudara Muslim Kurdi di Halabjah dalam Perang Teluk Pertama, serta kesungguhan mereka dalam serangan terhadap Iraq dalam Perang Teluk Kedua dan Ketiga atas tuduhan-tuduhan yang dibuat oleh Amerika Syarikat.

Terdapat senjata-senjata yang canggih untuk melindungi Israel, tempat petroleum, dan wilayah yang strategik tersebut dengan menghancurkan keamanan (ستار الأمن) dan menentang keganasan.

Israel telah memberikan kebebasan pertahanan dan membekalkan persenjataan tanpa had. Kemudian, senjata Iraq tidak membantu dalam menghadapi musuh yang telah menzalimi rakyat, diikuti pula dengan strategi media yang dimainkan oleh

berita-berita, maklumat-maklumat, dan wawancara-wawancara yang telah memecahbelahkan dunia Islam dan Arab.

Oleh yang demikian, menjadi kewajipan umat Islam yang membawa risalah ketuhanan kepada seluruh alam untuk memainkan peranan dan tanggungjawab; pertama membebaskan dirinya, seterusnya membebaskan seluruh manusia daripada kegilaan dan kesesatan. Kesesatan ini bukanlah hanya kerana senjata moden yang membinasakan, bahkan apa yang lebih bahaya ialah menghapuskan nilai-nilai kemanusiaan yang dimuliakan Allah ke atas bani Adam.

Hal ini demikian kerana, globalisasi tidak menguasai ketenteraan dengan senjata yang membunuh ribuan dan jutaan manusia, tetapi menguasai ekonomi secara global dan merendahkan kerajaan dari segi politik, justeru boleh melenyapkan iman, aqidah, akhlak, nilai kemanusiaan dengan pengetahuan, dan kebudayaan dengan bantuan teknologi moden dan ideologi yang membinasakan yang wujud dalam hati-hati orang Islam.

Ideologi tersebut seakan-akan mengawal negara-negara mereka secara nyata selepas kemerdekaan dengan bersandarkan tinggalan-tinggalan penjajah asing sebagai kaedah mereka dengan menggunakan anak-anak kita yang bertutur dengan bahasa kita, tetapi mereka sebenarnya ialah orang-orang yang menyeru ke jalan yang membinasakan.

Antara kewajipan para *'amilin* (penggerak) gerakan Islam ialah menghadapi cabaran-cabaran dalaman dan luaran dalam satu barisan dan berganding bahu untuk membebaskan umat daripada bahaya globalisasi dan tentera-tenteranya sama ada dari dalam mahupun luar.

Adapun penyakit-penyakit dalam diri umat seperti kejahatan, *al-wahn* (cinta akan dunia dan benci akan kematian), dan sikap berserah kepada perancangan-perancangan Barat telah menjadi kekuatan kepada penjajahan baharu ini sehingga telah melemahkan umat, malah ada yang berperang antara satu sama lain (perang saudara).

Cara fikir kesan daripada serangan pemikiran ini perlulah disucikan dan diberikan kesedaran untuk kembali semula kepada Islam, di samping budaya nasihat-menasihati hanya kerana Allah, rasul-Nya, pemimpin umat Islam, dan seluruh kaum Muslimin. Adapun serangan luaran pula ialah perancangan-perancangan, strategi-strategi baharu seperti ketenteraan, penghinaan politik, dominasi ekonomi, serta penjajahan sosial dan pendidikan dengan nama yang luar biasa, iaitu globalisasi.

Antara kewajipan negara Islam ialah berhati-hati dengan wabak baharu yang membinasakan dunia dengan bahaya ini, sehingga pejuang globalisasi dari negara-negara Barat bangun mempertahankannya dengan alasan material yang nyata. Akan tetapi, kita sebagai umat Islam diwajibkan untuk melihat dengan pandangan yang lebih luas daripada unsur material kepada segenap aspek kehidupan manusia.

Umat Islam seluruhnya perlu mempunyai pendirian yang satu bagi menghadapi globalisasi, kerana tidak ada alternatif lain kepada globalisasi melainkan kembali kepada Islam dan melihat kesan-kesan globalisasi di seluruh dunia selepas kejatuhan Kesatuan Soviet. Oleh itu, satu-satunya solusi kepada penghinaan Barat dan kehendak globalisasi Amerika Syarikat untuk menguasai dunia dengan slogan-slogan jahiliah ialah Islam dan kaum Muslimin.

GLOBALISASI DAN POLISI DUNIA BAHARU

Kita tidak perlu mendefinisikan globalisasi kerana ia telah didefinisikan oleh ramai pihak. Maknanya juga diterangkan secara jelas dalam buku, artikel, dan wawancara, sehingga perkataan ini sering disebut dalam kalangan penyelidik dan intelektual dalam kajian-kajian antarabangsa dalam semua bidang, termasuklah politik, ekonomi, sosial, media, dan ketenteraan, di samping diterangkan impak positif dan negatifnya.

Selepas kejatuhan Kesatuan Soviet dan pemimpin gerakan komunisme dan berakhirnya Perang Teluk antara mereka dengan gerakan kapitalisme Barat yang telah dipimpin oleh Amerika Syarikat, akhirnya hal ini telah mengakibatkan timbul kecelaruan dan Amerika Syarikat telah melaungkan kesatuannya untuk memimpin dunia.

Amerika Syarikat mengisytiharkan orde dunia baharu (*new world order*) untuk memaksa negara-negara lain mengikuti perancangannya bagi menguasai politik, melemahkan ekonomi, dan mencampuri urusan kebudayaan dan pendidikan sebagai percubaan untuk mengekalkan kedudukan sebagai kuasa penting dunia, walaupun itulah harga yang perlu dibayar oleh negara-negara lain, terutamanya negara membangun di dunia kelas ketiga dan negara-negara Islam dengan kedudukannya yang strategik di peta politik dan ekonomi.

Mereka juga telah campur tangan dalam urusan ketenteraan secara sepenuhnya selepas menguasai media massa dan menggunakan pertubuhan antarabangsa seperti Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan pertubuhan-pertubuhan politik, ekonomi, dan kebudayaannya, di samping Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO), Bank Dunia, dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) tanpa maruah dan rasa malu.

Perkara ini merupakan penjajahan bentuk baharu terhadap dunia atas nama kebebasan, keadilan, dan hak asasi manusia yang dihiasi dengan cara yang indah, bagi memaksa negara-negara lain mengikuti, mentaati, dan cenderung kepadanya sama ada dalam keadaan rela mahupun terpaksa. Jika tidak, negara itu akan tergolong dalam senarai pengganas serta musuh kepada demokrasi, kebebasan, keadilan, dan hak asasi manusia.

Amerika Syarikat dan sekutu-sekutunya adalah maksum daripada dosa-dosa besar itu semuanya, walau betapa dahsyat operasi ketenteraan, politik, ekonomi, dan moral yang dilakukan mereka. Antaranya ialah bantuan mereka kepada Israel, walau betapa rakus tindakan Israel terhadap rakyat Palestin yang teraniaya, di samping memberikan perhatian yang besar terhadap kepentingan Amerika Syarikat dan sekutunya, walaupun dengan mengorbankan golongan yang lemah dan tertindas di atas muka bumi.

Bagi mereka, tetap mempertahankan kewujudan Israel yang zalim adalah lebih utama berbanding hak-hak negara Palestin, begitu juga mengabaikan isu-isu Chechnya, Kashmir, Selatan Filipina, dan negara-negara lain yang ditindas. Semua ketetapan antarabangsa yang diputuskan secara majoriti mengenai negara-negara yang besar lagi angkuh itu terbatal dengan kuasa veto mereka.

Globalisasi lahir daripada orde dunia baharu dengan perancangan halus dan strategik yang dihias begitu indah, bertujuan melaksanakan penjajahan bentuk baharu dan moden yang tidak sepertimana cara penjajahan pada kurun pertengahan. Hal ini demikian kerana, ia diatur dengan terperinci dan disusun melalui kajian yang teliti daripada kalangan pakar-pakar strategik bagi menguasai dunia dengan berselindung atas nama demokrasi, kebebasan, peradaban, hubungan kemanusiaan, keadilan, dan hak asasi manusia.

Globalisasi ialah satu salah program untuk menerapkan nilai-nilai Barat ke atas dunia dalam peradaban melalui pelbagai cara, termasuk media cetak dan media sosial serta campur tangan dalam sistem pendidikan dan pelajaran. Dalam bidang politik, melalui campur tangan dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran atas nama pembaikan atau pembaharuan demokrasi. Dalam bidang ekonomi pula, dengan menguasai sumber-sumber tenaga seperti minyak, gas, turun naik perdagangan saham, serta penubuhan Bank Dunia dan IMF atas nama bantuan kewangan.

Globalisasi ialah lambang keangkuhan di peringkat antarabangsa yang bertebaran di atas muka bumi untuk merosakkan dan membinasakan penduduknya dengan organisasi baharu dalam kalangan kuasa-kuasa besar yang bersekutu dengan pemerintah blok kapitalis, diketuai Amerika Syarikat dan disertai pula oleh wilayah-wilayah bekas blok komunis. Maka, sesungguhnya, Perang Dingin (antara kedua-dua blok itu) tiada lain melainkan umpama pertelingkahan 'satu keluarga' dalam masyarakat Barat yang dicatur oleh Yahudi Zionis melalui lobi dan sistemnya bagi menguasai dunia jua.

Kapitalisme dan komunisme ialah produk Freemason dan Yahudi Zionis. Nama-nama tokoh seperti Karl Marx,

Vladimir Lenin, Leon Trotsky, Adam Smith, Walter Benjamin, John Harrison, Mikhail Gorbachev, Henry Kissinger, dan lain-lain daripada blok kapitalis dan komunis ialah dikenal pasti daripada susur-galur keturunan Yahudi.

Sesungguhnya, golongan Yahudi memainkan peranan besar dalam membentuk sistem antarabangsa pada era dahulu dan moden. Mereka berada di belakang tabir peristiwa-peristiwa penting di peringkat global seperti revolusi dan rampasan kuasa demi kepentingan mereka yang bersifat kebendaan. Materialistik itu sendiri ialah matlamat mereka yang pertama dan lebih penting berbanding ajaran agama mereka dan para nabi mereka.

Sesungguhnya, mereka telah membunuh para nabi mereka terdahulu, lalu mengubah ajaran agama mereka. Mereka juga yang menyusun atur tentera-tentera Ahzab pada zaman Rasulullah SAW, sedangkan mereka juga yang menunggununggu kedatangan rasul yang mulia ini di negeri hijrah Baginda (Yathrib). Pada zaman mutakhir ini, mereka telah berjaya meruntuhkan Khilafah 'Uthmaniyyah dan setelah itu, menubuhkan negara penjajah mereka di bumi Palestin dengan sokongan negara-negara besar yang menyumbang dengan kebendaan yang dimiliki mereka.

Maka, orde dunia baharu yang melahirkan globalisasi adalah jahiliah tulen yang tidak mengira selain kebendaan dan penyembahan kuasa. Pemangkin asasi baginya ialah kepentingan kebendaan dan manfaat keduniaan yang berdiri di atas pragmatisme utilitarian (memaksimumkan manfaat yang dapat diperoleh dengan apa-apa sahaja cara) tanpa perhitungan dosa dan pahala. Sehingga, kebenaran, keadilan, dan kebaikan ditentukan oleh manfaat kebendaan yang tulen, walaupun melibatkan dosa dan permusuhan.